

# MARTABATKAN GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA

Oleh Samat Buang

**D**ALAM masyarakat Malaysia, individu istimewa itu lebih merujuk individu yang berbeza daripada individu atau orang lain yang normal. Dalam erti kata lain, individu istimewa ialah mereka yang mempunyai kecacatan atau yang tidak memiliki keupayaan secara normal seperti individu normal. Atas sebab ini jugalah, mereka digolongkan dalam kategori orang kurang upaya (OKU) atau orang kelainan upaya.

Golongan OKU ialah sebahagian daripada anggota masyarakat yang mempunyai hak sama rata dan tidak sesekali dilihat sebagai golongan yang lemah. Secara ringkasnya, individu dengan ketidakupayaan didefinisikan sebagai kategori individu yang mempunyai masalah dari segi pembelajaran, emosi dan tingkah laku, masalah pendengaran atau penglihatan, masalah bahasa dan komunikasi, masalah fizikal dan kesihatan, autisme, pintar cerdas atau berbakat, dan juga masalah yang berkaitan dengan fungsi kognitif. Berdasarkan definisi tersebut, terdapat pelbagai kategori OKU dan pengelasan mereka berdasarkan pada kelainan dalam keupayaan atau ketidakupayaan mereka.

Definisi OKU digunakan untuk menggambarkan kelainan upaya

seorang itu sebagai individu dengan keupayaan tertentu dan mereka itu amat berbeza sekali atau lebih teruk ataupun lebih hebat daripada individu yang normal. Namun begitu, mereka itu tetap individu manusia yang memiliki hak dan keperluan yang sama, seperti yang dimiliki oleh individu normal. Mereka berhak untuk hidup secara sihat. Mereka berhak dilayan secara adil dan mereka juga berhak belajar, berkerjaya dan berkeluarga, sama seperti individu lain.

Walaupun berbeza dari segi keupayaan, mereka tidak berhak untuk dizalimi, disingkirkan, mahupun disisihkan dari segi keadilan, hak, dan keperluan dalam masyarakat. Selagi bergelar manusia, mereka masih memiliki maruah yang perlu dipelihara, dijaga, dan dihormati oleh setiap orang, walaupun memiliki keadaan rupa paras dan fizikal atau mental yang serba kekurangan. Penghormatan yang diberikan itu perlulah adil dan saksama tanpa mengira bangsa dan pangkat, umur dan gender.

Sebagai negara yang prihatin kepada kehendak dan keperluan OKU, kerajaan, melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, komited dalam meningkatkan kesejahteraan golongan

ini. Dianggarkan terdapat kira-kira 4.4 juta orang golongan kurang upaya, tetapi Kementerian mendedahkan hanya 370 501 orang atau 7.7 peratus OKU berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) setakat 31 Ogos tahun 2015. Menurut menterinya, jumlah itu terlalu rendah dan angka berkenaan masih jauh jika dibandingkan dengan sasaran 15 peratus OKU yang perlu berdaftar di sesebuah negara seperti yang ditetapkan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO). Menghang tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan ibu bapa yang mempunyai anak OKU tidak mendaftarkan nama mereka dengan JKJ kerana perasaan malu serta kurang kesedaran dan pemahaman secara menyeluruh mengenai golongan yang dikategorikan sebagai OKU.

Di samping itu, golongan OKU perlulah mencontohi tokoh OKU yang sudah berjaya memberikan sumbangan kepada pembangunan masyarakat sejagat walaupun berdepan pelbagai kesukaran. Tokoh OKU tempatan yang berjaya termasuklah Allahyarham Prof. Datuk Dr. Ismail Md. Salleh yang cacat penglihatan mampu meletakkan dirinya selaku pakar ekonomi yang tersohor. Beliau **membuktikan kecacatan tidak menghalangnya menjadi pakar ekonomi dan sentiasa dirujuk tentang**

pembangunan ekonomi bumiputera dan agenda bangsa Melayu. Beberapa orang tokoh lain yang berjaya termasuklah Allahyarham Datuk Dr. Zulkifli Mohamad, Dr. Chandra Muzaffar, pemikir yang hebat, dan bekas mahasiswa Universiti Sains Malaysia, Alice Chan, walaupun menghidap penyakit memabutkan otak tetapi berjaya mendapat anugerah dekan.

Pelbagai program dan kemudahan disediakan untuk menjaga dan membantu OKU bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan yang normal. Anak yang mengalami disleksia dan masalah autisme juga merupakan golongan yang wajib berdaftar dalam kategori OKU di JKJ. Bagi kanak-kanak OKU yang kekurangan dari segi fizikal, memang mudah untuk mengenali

pasti dan membantu mereka, namun berlainan pula dengan mereka yang mengalami disleksia dan masalah autisme yang sukar dikenali pasti, malah perlu didaftarkan terlebih dahulu bagi memudahkan urusan pentadbiran, penyerahan bantuan dan rekod simpanan.

Sementara itu, setiap OKU yang berdaftar bakal menikmati keistimewaan dan faedah yang disediakan oleh kerajaan. Terdapat hampir 25 bentuk keistimewaan yang disediakan melalui kad OKU sekiranya mereka berdaftar. Pada ketika ini, antara kemudahan dan bantuan kepada golongan tersebut yang disediakan oleh kerajaan, khususnya menerusi JKJ, termasuklah Bantuan Kanak-kanak (BKK), Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan OKU Tidak Berupaya

Bekerja (BTB), Bantuan Alat Tiruan dan Sokongan (BAT) dan Bantuan Geran Pelancaran, serta Bantuan Orang Tua (BOT). Kerajaan turut memberikan elaun pekerja cacat RM300 sebulan, geran pelancaran RM2700 bagi memulakan perniagaan dan bantuan penjagaan.

Selain itu, usaha meningkatkan kesejahteraan OKU diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) dengan pelbagai usaha dan inisiatif yang akan dilaksanakan. Belanjawan 2016 mengutarakan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan OKU dengan penyediaan peruntukan sebanyak RM583 juta dan jumlah ini meningkat sebanyak 25.6 peratus berbanding dengan tahun ini sebanyak RM465 juta.

Kerana menyedari pekerjaan merupakan aspek penting bagi membolehkan individu, termasuk OKU, menjalani kehidupan yang berkualiti dan berdikari, serta diintegrasikan dalam masyarakat, kerajaan telah memperkenalkan dasar satu peratus peluang pekerjaan dalam sektor awam kepada OKU sejak tahun 1988. Dasar satu peratus peluang pekerjaan ini telah diperkuh melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010 yang berkuat kuasa pada 15 Disember 2010. Dasar ini juga selaras dengan objektif dan strategi Dasar OKU. Pelantikan OKU dalam sektor awam boleh dilaksanakan apabila calon memenuhi syarat lantikan yang ditetapkan dalam satu skim perkhidmatan, kesesuaian calon dengan bidang tugas jawatan, serta kemudahan yang disediakan oleh agensi yang berkenaan. Berdasarkan rekod Jabatan Perkhidmatan Awam hingga bulan Disember 2014, 3741 orang penjawat awam dalam kalangan OKU sedang berkhidmat dalam pelbagai kumpulan perkhidmatan di pelbagai Kementerian, jabatan, dan agensi, kerajaan termasuk Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Dengan hasrat memperkuh lagi kesejahteraan OKU, RMK-11 menasaskan peningkatan penyertaan OKU dalam sektor awam dengan mengisih lebih daripada 16 ribu jawatan dalam sektor awam melalui pertimbangan khas. Komitmen yang diberikan oleh kerajaan ini



bertujuan menggalakkan integrasi serta penyertaan penuh dan berkesan OKU dalam masyarakat, sekali gus menyumbang kepada pembangunan negara. Kementerian telah memohon peruntukan dalam Belanjawan 2016 untuk mewujudkan tujuh buah pusat penempatan OKU di seluruh negara yang dapat memberikan manfaat kepada sejumlah hampir 11 ribu OKU bagi melatih golongan berkenaan hidup secara berkendiri.

Selain itu, tanggapan masyarakat bahawa golongan OKU sukar dibantu kerana kekurangan yang dimiliki seharusnya tidak lagi diguna pakai oleh sebab daya saing dan kebolehpasaran mereka dalam bidang pekerjaan semakin meningkat. Majikan perlu mengubah persepsi terhadap OKU dengan memberikan perhatian kepada keupayaan dan kemampuan golongan tersebut. Kementerian menerusi JKM turut mengambil inisiatif mewujudkan 'Job Coach Network Malaysia' (Job Coach) bagi meningkatkan kerjasama pelbagai agensi dalam pengambilan pekerja OKU. Mekanisme baharu ini dilaksanakan dari tahun 2016 hingga 2018 yang melibatkan pelbagai pihak, termasuklah jabatan dan agensi kerajaan, sektor swasta, serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO), seperti GCH Retail (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Mydin Holding Berhad. Sistem ini sebenarnya telah digunakan di Malaysia sejak tahun 2005 melalui kerjasama dengan Jepun dan Amerika Syarikat.

Mulai tahun 2016 pihaknya mengendalikannya sendiri, malah turut menawarkan perkhidmatan pembimbing tempatan kepada negara ASEAN. Job Coach yang beroperasi sepenuhnya di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan OKU di Bangli telah berjaya membimbing 1868 orang terdiri daripada agensi kerajaan, swasta dan NGO. Sistem itu yang menggunakan seorang hingga dua orang pembimbing terdiri daripada pegawai JKM dan sukarelawan terlatih akan membimbing OKU yang layak untuk mendapatkan pekerjaan sesuai. Pembimbing turut mengajar pekerja

OKU tentang cara melakukan kerja dengan betul, termasuk melatih mereka menaiki kenderaan awam untuk ke tempat kerja selama enam bulan.

Di samping itu, kerajaan bertanggungjawab kepada golongan OKU dalam memastikan mereka dapat menikmati kemudahan yang boleh diakses serta bersifat inklusif, meliputi semua aspek kehidupan, termasuklah pendidikan, kesihatan, rehabilitasi, sosial dan keselamatan perlindungan. Kerajaan komited dalam usaha memastikan golongan OKU mendapat kesaksamaan hak dan peluang yang sama seperti anggota masyarakat yang lain dalam semua aspek kehidupan. Kesaksamaan hak dan peluang OKU telah diperuntukkan dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008.

Bagi menyediakan ruang dan peluang pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan pelbagai jenis persekolahan khas pada peringkat rendah dan menengah, dan seterusnya mereka boleh memohon masuk kelima-lima buah politeknik yang menawarkan kursus yang berkaitan. KPM mewujudkan pendidikan khas buat golongan yang kurang upaya penglihatan, pendengaran, dan fizikal pada peringkat sekolah yang dilaksanakan di Sekolah Pendidikan Khas, Program Pendidikan Khas Integrasi dan Program Pendidikan Inklusif.

Di samping itu, kerajaan turut mengadakan program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) bagi golongan OKU yang ditawarkan melalui JKM yang mula ditubuhkan seawal tahun 1990. Program ini pada mulanya dipelopori oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). JKM terlibat secara langsung dalam penyediaan manual dan seterusnya diberi peluang menilai dan mengubah suai pelaksanaan program ini. Secara ringkasnya, PDK berperanan mendidik mereka berkendiri, termasuklah memakai baju sendiri, makan, bersenam, serta melakukan perkara asas yang paling mudah. Pelatih yang mampu berkendiri dihantar untuk menyertai bengkel, termasuklah melipat sampul surat dan

kelas jahitan selain diberi elaun bagi setiap pekerjaan yang dilakukan. Dalam Belanjawan 2016 sebanyak 20 PDK baharu untuk golongan OKU diwujudkan dengan peruntukan sebanyak RM100 juta.

Dalam usaha memartabatkan golongan ini bersempena dengan sambutan Hari Orang Kurang Upaya 2015 peringkat kebangsaan, setiap OKU yang terpilih turut diberi anugerah dan penghargaan. Penyenaraan sebanyak tujuh kategori anugerah, iaitu Anugerah PDR Cemerlang, Anugerah Pertubuhan Sukarela Bekajikan (PSK) OKU Cemerlang, Anugerah Bihak Berkuasa Tempatan (PBT) Prihatin, Anugerah Majikan Prihatin Sektor Awam, Anugerah Majikan Prihatin Sektor Swasta, Anugerah Ibu Bapa Mihali OKU, dan Anugerah Khas OKU Kategori Sukan, melibatkan 16 orang penerima yang memabihkan individu, agensi kerajaan, dan juga syarikat swasta. Tujuan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan masyarakat inklusif sebagai tanggungjawab bersama memberikan penghargaan dan pengiktirafan terhadap kemahiran, potensi, dan sumbangan OKU; mengeratkan kesepaduan hubungan dan integrasi pelbagai sektor demi kesejahteraan OKU; dan mengentengahkan inisiatif kerajaan dalam memenuhi hak dan kepentingan OKU, merupakan perancangan yang komprehensif dan komitmen yang tidak berbelah bahagi daripada pelbagai pihak.

Secara tuntasnya, masyarakat umum perlu mendampingi OKU bagi memahami keperluan golongan ini sebagai komitmen bersama bagi melahirkan masyarakat prihatin serta penyayang. Kefahaman ini penting bagi memastikan golongan OKU tidak terpinggir dalam kehidupan bermasyarakat. Tidak kira apa-apa jenis dan tahap ketidakupayaan yang dialami, mereka seharusnya tidak dikecualikan daripada mendapat perhatian atau bimbingan. ds